

PRODUK PERBENDAHARAAN

Risalah Penerangan Produk – Forex Spot-i

Tarikh :.....

Sila baca Risalah Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melabur di dalam Forex Spot-i. Pastikan anda membaca terma dan syarat dalam surat tawaran dan/atau perjanjian produk. Dapatkan penjelasan daripada Bank jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau syarat am.

1. Apakah itu Forex Spot-i?

- Forex spot ialah perjanjian antara dua pihak untuk membeli satu mata wang atas penjualan mata wang lain pada harga yang dipersetujui untuk penyelesaian pada tarikh nilai lani. Kadar pertukaran yang digunakan untuk urusan ini dinamakan kadar pertukaran lani.

2. Siapakah yang boleh melabur di dalam Forex Spot-i?

- Korporat, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), Badan Kerajaan dan Berkanun serta Institusi Kewangan.

3. Bagaimanakah produk ini dikendalikan?

- Pembelian satu matawang akan diselesaikan melalui penyerahan matawang lain pada tarikh nilai.
- Terdapat 3 jenis Tarikh Nilai untuk urusan niaga lani, iaitu;
 - Nilai Hari Ini – apabila pertukaran berlaku pada hari yang sama dengan tarikh urusan niaga.
 - Nilai Tom – apabila pertukaran berlaku pada satu hari perniagaan selepas tarikh urusan niaga.
 - Nilai Lani – apabila pertukaran pada dua hari perniagaan selepas tarikh urusan niaga.
- Amalan pasaran antarabangsa untuk urusan niaga pasaran FX menghendaki penyelesaian berlaku selepas dua hari perniagaan (Nilai Lani).

4. Apakah konsep dan kontrak Syariah yang digunakan?

- Konsep Syariah yang digunakan ialah Bai al-Sarf (Perdagangan dalam Mata Wang).

5. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini?

- Memenuhi keperluan pelanggan – keperluan pelanggan untuk pertukaran mata wang bagi tujuan pelaburan dan perdagangan. Bank akan menyediakan penyelesaian kewangan berdasarkan keperluan pelanggan.
- Pelbagai mata wang: Dolar Singapura (SGD), Dolar Australia (AUD), Paun Great Britain (GBP), Dolar New Zealand (NZD), Dolar AS (USD) dan banyak lagi.
- Penyelesaian tunai.

6. Apakah dokumen asas yang diperlukan?

- Memorandum/Tataurusuan Persatuan.
- Sijil Penubuhan.
- Penandatanganan yang Diberi Kuasa.
- Borang 24, 45 & 48A.
- Resolusi Lembaga Pengarah.

7. Dokumen Undang-undang?

- Perjanjian kemudahan serta dokumen urusan niaga dan keperluan undang-undang sedia ada yang lain hendaklah disempurnakan (jika berkenaan).
- Pelanggan berhak/mempunyai pilihan untuk meminta semua dokumen undang-undang sama ada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.

8. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi obligasi saya?

- AFB akan menampung kedudukan lain dengan menyelaraskan kedudukan dengan pihak lain dan mendapatkan semula kos ditutup yang dinilai mengikut pasaran yang berkaitan daripada pelanggan. AFB hanya akan mendapatkan semula ganti rugi jika ia mengalami “Kerugian Perdagangan” akibat kegagalan pelanggan menyempurnakan urusan niaga sehingga matang.

9. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

- Duti setem akan dikenakan ke atas surat cara/dokumen yang berkaitan dengan produk mereka dan kadar duti berbeza mengikut jenis dan nilai produk.

10. Apakah Cukai Barangan dan Perkhidmatan Kerajaan?

- Cukai Barang & Perkhidmatan (CBP) oleh Kerajaan adalah dikenakan ke atas semua Pembekalan yang dianggap Bercukai (jika ada) di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) 2014, lanjutan daripada penyediaan Produk & Perkhidmatan pihak Bank. CBP adalah eksklusif ke atas nilai Pembekalan yang dianggap boleh dikenakan cukai pada kadar yang ditetapkan.

11. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat apa-apa perubahan dalam butiran alamat surat menyurat saya?

- Pelanggan perlu memaklumkan Bank secara rasmi tentang apa-apa perubahan dalam butiran pelanggan untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada pelanggan tepat pada masanya. Sila hubungi kami di talian 03-20791000 atau datang ke mana-mana cawangan kami untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

12. Di manakah boleh saya mendapatkan bantuan dan membuat aduan?

<p>Jika pelanggan menghadapi kesulitan untuk membuat bayaran atau memerlukan maklumat tambahan tentang produk, manfaat dan keistimewaan, sila hubungi kami atau hantarkan e-mel kepada kami secepat mungkin di:</p>	<p>Hubungi/e-mel kami di: Asian Finance Bank Berhad Aras 2, Blok Podium, Kenanga International Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur Tel. : 03-20791000 Faks : 03-20791160 E-mel: feedback@asianfinancebank.com Laman web : www.asianfinancebank.com</p>	<p>Aduan boleh dihantar kepada: ecomplaint@asianfinancebank.com. Atau BNM Link / TELELINK Blok D, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur Tel. : 1-300-88-5465 Faks : 03-21741515 E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my</p>
---	---	--

Maklumat yang dinyatakan dalam risalah penerangan produk ini sah pada Mac 2015.